

## Yuserrie dilantik Naib Canselor UMP



*YUSERRIE Zainuddin hadir pada hari pertama sebagai Naib Canselor UMP di UMP Kampus Pekan di Pekan, Pahang.*

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA, 1 Mac 2022, 4:59 pm

PEKAN: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Datuk Dr. [Yuserrie Zainuddin](#), 60, dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) kelima berkuat kuasa hari ini.

Yuserrie berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dari Universiti Sains Malaysia (USM) sebelum menyambung pengajian dalam bidang Perdagangan di University of Wollongong, Australia pada 1992.

Beliau juga memiliki Ijazah Kedoktoran dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1997.

Yuserrie yang menjalankan fungsi Naib Canselor UMP sejak 29 Ogos tahun lalu juga mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan apabila telah dilantik selama 11 tahun sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

Ia menjadikan aktiviti kesukarelawanan agenda penting universiti dalam melahirkan pelajar yang berketerampilan dan warganya yang prihatin seiring dengan slogan UMP 'Teknologi untuk Masyarakat'.

Beliau yang mula berkhidmat di UMP pada 2009 juga pernah memegang jawatan sebagai Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS) pada tahun 2010.

Sebelum itu, Yuserrie telah berkhidmat selama 11 tahun di USM.

"Saya mengharapkan agar warga UMP dapat bersama-sama menjalankan aktiviti yang telah dirancang untuk memastikan Pelan Strategik UMP 2021-2025 (UMP 25) dapat dilaksanakan dan dicapai dengan baik," katanya sewaktu hadir di Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak, UMP Pekan di sini hari ini.

Ketibaan beliau disambut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli, Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi, Hazmin Aris dan Bendahari, Zainuddin Othman.

Selain itu, beliau turut mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atas pelantikan ini dan kepada Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff yang telah menunjukkan kepimpinan serta prestasi yang baik dalam menerajui UMP sebagai Naib Canselor keempat. [UTUSAN](#)